



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | MEDIA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Selasa, November 12, 2013

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS
PERKHIDMATAN

| A- | A |
A+ | ENGLISH

BERITA »

Kampus satelit serlahkan kolaborasi penyelidikan 20 tahun Kyutech & UPM

Oleh Kuaah Guan Oo
Gambar oleh Marina Ismail



SERDANG, 24 Sept (UPM) - Bermula dengan kolaborasi kecil melibatkan sisa kelapa sawit hampir 20 tahun lalu, Kyushu Institute of Technology (Kyutech) dari Jepun dan Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menganjurkan satu simposium untuk menyerlahkan perkongsian rapat mereka sempena perasmian kampus satelit Kyutech di Serdang.

Kampus Satelit Super Malaysia (MSSM) di UPM adalah kampus Jepun pertama di Malaysia dan Asia Tenggara yang menawarkan program ijazah berkembar Kyutech-UPM manakala simposium "Ke Arah Mengukuhkan Kolaborasi Penyelidikan Malaysia-Jepun" dari 30 Sept hingga 1 Oct 2013, adalah yang pertama dalam satu siri bertujuan menyediakan landasan unik bagi penyelidik, pelajar dan jurutera berkongsi pengalaman dan pandangan mereka.

Prof Dr Mohd Ali Hassan, Dekan Fakulti Bioteknologi dan Biomolekular memainkan peranan utama ketika Kyutech pertama kali datang ke sini untuk menjalin kolaborasi penyelidikan iaitu di Felda Serting Hilir pada 1994. Ia bertujuan untuk mengurangkan gas rumah hijau (GHG), hasil daripada kilang pemprosesan kelapa sawit dan bagi menggunakan biomas sawit.





Projek permulaan yang dirintis di Serting Hilir, kata Prof Ali, telah menghasilkan sejumlah pencapaian termasuk kilang percubaan biogas yang beroperasi penuh, sebuah kilang percubaan bioplastik di SIRIM, sebuah Konsortium Biomasa Kelapa Sawit di bawah Strategi Biomasa Negara dan Kilang Penapisan Bio Bandar Biomasa Serdang.

Selain menerima lebih daripada RM10 juta geran penyelidikan, kolaborasi penyelidikan itu berjaya melahirkan 15 pelajar PhD manakala lagi 10 kini sedang diselia bersama Kyutech-UPM.

Turut sama dihasilkan adalah 60 kajian rujukan dengan penulis bersama, manakala Scival Spotlight memutuskan bahawa Kyutech adalah rakan kolaborasi UPM yang utama.

Hasil penyelidikan mereka telah memperolehi lapan paten bersama, 10 syarikat kongsi industri dari Malaysia dan Jepun, lima pingat Emas, tiga kilang perintis dan sebuah kilang komersial yang diuruskan Felda Palm Industries Sdn. Bhd.

Secara keseluruhannya, pelajar UPM dan warga kerja akademik melakukan 50 lawatan ke Kyutech, terletak di Fukuoka, sebuah wilayah di hujung utara pulau Kyushu manakala sebagai timbalbalas Kyutech membuat 150 lawatan ke UPM.



Prof Ali berkata kolaborasi penyelidikan dengan Kyutech mengenai biomasa kelapa sawit menjadi amat penting memandangkan hakikat ada lebih lima juta hektar ladang kelapa sawit di Malaysia, mengeluarkan 90 juta tan biomasa diperbaharui setiap tahun.

Minyak sawit juga sumber hasil mahsul utama untuk negara hinggan ia disifatkan sebagai emas cair Malaysia di mana Felda, pengeluar terkemuka amat berminat mewujudkan industri hijau baharu menggunakan biomasa sawit.

Kolaborasi rapat ini telah membawa kepada Kyutech membuka pejabat satelitnya di UPM pada Ogos 2004, sebelum kedua-dua universiti itu memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) untuk menubuhkan MSSM pada 8 Mac 2013.

Persefahaman itu ditandatangani oleh presiden Kyutech Dr Morio Matsunaga dan Naib Canselor UPM Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan. Ia disaksikan oleh Duta Besar Jepun ke Malaysia, Shigeru Nakamura, dan Menteri Pengajian Tinggi ketika itu, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

Prof Ali berkata keutamaan akan diberikan kepada pelajar bidang kejuruteraan, sains komputer, perubatan dan bioteknologi selain mereka perlu belajar di dua universiti itu pada masa berbeza.

Selepas Serting Hilir di Negeri Sembilan, kerjasama UPM dengan Kyutech beralih ke Sandakan dan kawasan Sungai Kinabatangan pada 2002 di mana kedua-duanya bekerjasama untuk membangunkan satu sistem sisa buangan sifar untuk kilang kelapa sawit.

Projek konsep hijau di Sandakan akan mempunyai satu sistem pembuangan sisa kelapa sawit yang lebih baik dan selamat tanpa toksin sambil menjamin kualiti udara bebas daripada pencemaran. Projek empat fasa itu meliputi biogas untuk kuasa, biodisel untuk bahan bakar dan biokompos untuk baja.

Dalam laman webnya, Kyutech memberitahu kolaborasinya dengan UPM dan Institut Sains dan Teknologi Industri Termaju (AIST) di Pusat Penyelidikan Biomasa UPM berujuan untuk menjana tenaga diperbaharui dan produk tambah nilai daripada sumber biomasa di Malaysia, termasuk biomasa sawit.

Mereka juga mahu menggalakkan pembentukan modal insan yang boleh memberi sumbangan dalam usaha menyelesaikan isu-isu pemanasan global di rantau Asia. – UPM

- kgo/agn/kam

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan| Jumlah Pelawat : 3176889
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia
Kemaskini Terakhir : 12 Nov 2013

